

# PENDIDIKAN ISLAM DI SEMENANJUNG

“ Semenanjung Tanah Melayu dengan keadaan pendidikannya (yang sedang berjalan sekarang) telah menukar corak, walhal negara kita ini asalnya memang negara Islam, beradat Islam, berhukum Islam dan namanya juga nama Islam: Kedah Darul Aman, Terengganu Darul Iman, Perak Darul Ridzuan, Kelantan Darul Naim, Johor Darul Takzim, tetapi nampaknya lain kulit lain isinya, tidakkah itu menyedihkan?” demikian Tuan Hj. Said bertanya sambil mengupasnya dalam karangannya yang sangat menarik ini- Pengarang Qalam.

Oleh: Haji Said Abdul Hadi

Nabi *sallāllahu `alaīhi wasalam* pernah bersabda,  
Melayunya: Tiap-tiap kanak-kanak itu diperanakkan atas kejadian  
yang suci hingga lidahnya boleh berkata-kata, tetapi  
kedua ibu bapanyalah yang membentuknya kepada agama Yahudi,  
Nasrani atau Majusi.

Dengan ini jelaslah pendidikan adalah alat istimewa  
untuk menentukan corak yang dididik, kalau baik  
didikan, baiklah agama dan bangsa, dan kalau rosak  
didikan leburlah bangsa dan agama; kerana didikan  
adalah nyawa untuk menuju hidup atau menghala mati.

Berapa banyak bangsa-bangsa yang mulanya berpecah-pecah, lemah  
penakut, dan bodoh , bertukar jadi bersatu, kuat  
berani dan cergas, disegani oleh bangsa-bangsa, oleh kerana  
baiknya pendidikan yang didapati mereka, begitu juga  
banyak bangsa-bangsa yang mulanya bersatu, kuat, cerdik, dan  
berani, akhirnya jadi berpecah, lemah, bodoh dan penakut  
kerana pendidikan yang salah dan beracun telah  
diberikan kepada mereka.

Ahli-ahli pendidikan pernah berkata: Kalau aku diberi  
mendidik sepuluh kambing, aku percaya kesepuluh-sepuluhnya  
akan jadi harimau (garangnya). Tetapi ingat saudara-saudara  
katanya! Susah kita sanggup mendidik anak-anak harimau  
kita yang garang-garang itu jadi penakut dan pengecut  
macam kambing tetapi lembaganya tetap harimau.

Berapa kuat pun satu-satu bangsa, tidak akan dapat  
menakluk satu bangsa yang lain walau dengan kekuatan senjata  
apa sekalipun, selagi bangsa itu jiwanya belum  
mahu tunduk. Tetapi setelah kuasa pedidik diberi  
kepada mereka maka dengan masa yang singkat bangsa itu  
dapat diperkudakannya hingga akhirnya ibarat merpati  
tak payah dikawal ingin berkhidmat bertelur, beranak terus  
menerus untuk faedah tuannya, bahkan dia merasa  
nikmat dengan keadaan demikian, konon itu adalah satu  
kelebihan jenisnya dan mereka takut kalau tuannya hendak  
melepaskan dia bebas semula betul-betul bagaiman asalnya.

Islam tak akan dapat hidup subur dalam satu-satu  
negeri yang berpendidikan Kristian atau cara-cara yang lain,  
kerana buah yang akan dikeluarkan oleh sesuatu pohon  
itu mengikut benih yang disemaikan, kalau semai benih  
pisang, tumbuhlah pisang dan manislah dia walau  
disiram dengan air sungai lada, dan kalau benih lada  
disemaikan ladalah yang tumbuh, pedaslah buahnya, walau  
disiram dengan air gula, begitu juga kalau kita  
menyemai peria, nescaya perialah yang akan tumbuh dan  
pahitlah buahnya walau bersiram santan kelapa, begitulah  
seterusnya kalau kecubang disemai kecubang akan tumbuh  
dan mabuk siapa yang memakannya, dan siapa mengharap  
benih kecubang yang di sisi itu akan menumbuhkan

rambutan adalah harapan yang jadi angan-angan sahaja. Tegasnya pendidikan yang asasnya Kristian atau berbau Kristian tak akan menimbulkan masyarakat Islam yang sihat kecuali masyarakat Kristian atau berbau Kristian juga yang akan tiba.

Sejak 444 lebih kita umat Islam Semenanjung ini telah diperitah atau dipimpin oleh bangsa-bangsa Barat yang silih berganti dari Portugis, Belanda dan Inggeris. Perubahan besar telah kita saksikan.

Masyarakat kita semakin kebaratan 10 persen. 20,30 hingga sekarang meningkat 40 dan 50 persen bermakna semakin jauh hukum-hukum Islam kita tinggalkan walau pun masjid-masjid kita tersergam di sana sini tetapi suara khatib dan azan bilal tidak banyak memberi kesan nisbah pendidikan Barat yang kita terima.

Pendidikan juga bukanlah tertentu dengan pelajaran yang ada di bangku sekolah sahaja, tetapi termasuk sekali segenap segi yang dapat mempengaruhi dan mendidik jiwa manusia, seperti buku-buku cerita, majalah-majalah, cerita-cerita filem, gambar-gambar lucu, taman hiburan, tarian dan nyanyian, cara pakaian, makanan dan minuman adat perkahwinan. Pergaulan, keramaian, seterusnya adat-adat hari jadi dan upacara mati juga dapat mereka jadikan alat untuk kita menirunya.

Dengan sendiri cara pemuda pemudi kita bertunang, bercampur gaul, berpeleseran, bersuka ria, berpakaian, bermakan minum, bekerja kahwin, berhari jadi, hingga cara-cara kita memungut derma kebajikan juga telah jauh kebaratan dan jauh meninggalkan hukum-hukum Islam. Kalau bertunang umpamanya Islam mengharuskan melihat muka dan tapak tangan. Kalau cuma itu tak cukup, mereka mahu lihat lebih lagi bahkan mahu berjalan sama, menonton sama dan semuanya nak bersama. Dahulu kalau kita mencari

derma memada dengan syarahan dan satu dua hadis atau ayat Quran, diterangkan dapat membuka iman orang-orang Islam supaya berderma, tetapi sekarang pahitlah, kalau pun kita dapat adalah sedikit sahaja, kerana sekarang kalau ingin mengumpul derma mestilah kita mengadakan sandiwara memanggil bintang-bintang filem atau anak-anak dara supaya berlakon dan menari bahkan harus mereka akan memanggil penari bogel macam Rose Chan dalam tempoh setahun dua lagi. Kalau dahulu kita dapat derma apabila iman seseorang terbuka melalui satu hadis, tetapi sekarang cuma dapat manakala nafsu mereka dibuka melalui wanita menari tak pakai kain.

Dahulu kita bekerja kahwin memada dengan majlis khatam al-Qurā'n dan membaca maulid tetapi kita sekarang banyak telah mengadakan majlis tari-menari dan minuman-minuman keras. Kalau Islam megatakan arak punca segala kejahatan. Tetapi dalam negara kita banyak umat-umat Islam yang telah memandang arak tanda kebesaran dan kemegahan. Kalau dahulu judi dipandang rendah dan hina, tetapi sekarang telah dianjurkan oleh sesetengah orang-orang besar Islam bahkan telah jadi mainan negara pada setengah-setengah negeri. Kalau dahulu gadis takut-takut melihat pemuda tetapi sekarang pemuda yang segan-segan dan tersipu-sipu menentang muka gadis. Kalau dahulu terhendap-hendap hendak melihat muka gadis, tetapi sekarang melalui pintu depan dengan keredhaan ibu bapanya kita dapat berkenalan dan akan diberi izin untuk peleseran dan menonton, asakan sahaja gadis itu telah berkenan, ibu bapa tak banyak sanggup melarang takut dituduh kolot. Kalau dahulu gadis malu membuka tudung dan berjalan buka kepala, tetapi sekarang telah sanggup membuka apa sahaja di rumah, di jalan dan di khalayak ramai. Kalau dahulu semakin pemalu gadis

itu semakin mahal nilainya, tetapi sekarang semakin tak malu dan semakin nakal, baik dan dipuja beramai-ramai.

Apa sebab-sebab dan punca semua ini? Jawabnya inilah pengaruhnya didikan. Umat Islam memang taksuh dengan agamanya. Cuba lihat semasa Natrah anak Belanda yang jadi anak angkat orang Islam diambil ibunya kembali, hingga menyebabkan huru-hara besar di Singapura. Begitulah akan berlaku kalau satu-satu bangsa asing hendak memaksa satu hukum atau adat Islam supaya diubah, nescaya dapat tentang hebat dari kita, tetapi selepas kita dididiknya segala-galanya itu kita sendiri membuatnya dengan sukarela tak payah disuruh dan dipaksa. Mari kita ingati dalam berita-berita akhbar dalam tahun ini seseorang Islam pasal puasa sahaja ia mengaku tidak beragama dan seseorang lagi pasal zakat di Perak mengaku telah murtad dan seseorang lagi pasal sekedudukan denga lelaki Inggeris di Johor mengaku juga telah murtad? Adakah siapa memaksa kita berbuat segala-gala yang di atas? Jawabnya tidak siapa memaksa melainkan dengan keredhaan kita sendiri. Kalau begitu mana puncanya, puncanya ialah pendidikan.

Sejarah masih menjadi saksi bagaimana besarnya pengaruh Islam di Andalus (Spain) di masa keemasannya semasa Islam memegang tumpuk pendidikan, dengan masa yang singkat kota besar Cordova telah jadi tumpuan dan pusat ilmu pengetahuan yang menarik manusia dari segenap pelusuk dunia datang mempelajari hukum-hukum, dan kebudayaan islam. Di sana sini melantanglah suara azan *hayya 'alā al-ṣolāh, hayya 'alā al-falāh!!!* Tetapi selepas jatuhnya kerajaan Islam di sana dan terlepas sekali tumpuk pendidikan itu ke tangan musuh, dengan masa yang singkat pula Islam telah lenyap terus seolah-olah memang tiada asalnya. Di sana sini masjid

bertukar jadi, gereja suara azan bertukar loceng. Masjid besar Cordova dengan rupa asalnya tidak di bawah, tetapi penuh sesak pada hari Ahad umat Kristian bersembahyang menyembah Jesus. Tiangnya berjumlah 1,293 batang itu masih tercepat berdiri dengan sugulnya, begitu juga Istana al-Humra' yang indah bekas kesenian Islam dalam zaman lampau itu tidaklah lagi dapat menggembirakan pelawat-pelawat Islam tetapi sesiapa melihat akan menumpahkan air matanya, kerana riwayat Islam telah tamat di Semenanjung Spain.

Semenanjung Tanah Melayu dengan keadaan pendidikannya di atas tadi telah beransur-ansur menukar corak. Walhal negara kita ini asalnya memang negara Islam, beradat Islam, berhukum Islam dan namanya juga nama Islam: Kedah Darul Aman, Terengganu Darul Iman, Perak Darul Ridzuan, Kelantan Darul Naim, Johor Darul Takzim. (Selangor Darul Ihsan, Pahang Darul Makmur, (Negeri Sembilan Darul Khusus-P.Q.). tetapi nampaknya lain kulit lain isinya. Tidakkah ini menyediakan? Alangkah besarnya hasrat ke bawah Duli Tuanku-Tuanku kita yang telah kembali ke hadrat Tuhan yang telah menamakan negeri-negeri mereka dengan nama-nama suci ibarat nama syurga-syurga Tuhan, tetapi manakala isinya telah penuh dengan angkara mereka? Sebaliknya negara Hindustan telah pun mengharamkan arak, judi dan zina di negara mereka. Walhal kita bukan sahaja di seluruh negeri ini tidak sanggup mengharamkan perkara-perkara seperti itu, hingga dalam satu-satu tempat khas pun masih kita berselisih antara kita sesama kita bagaimana baharu-baharu ini berlaku di Kedah, usul minta haramkan arak telah ditentang oleh orang Islam sendiri walhal orang asing tidak menentangnya, ini adalah pengaruh pendidikan yang kita bahaskan di atas tadi, insaallah.\*\*\*